

02/12/1999

Pakatan dengan Pas punca DAP tersungkur

Mutazar Abd Ghani

GEORGETOWN: Seperti dijangka, Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang mengekalkan majoriti dua pertiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum Isnin lalu, sekali gus membolehkannya membentuk semula kerajaan negeri untuk tempoh lima tahun lagi.

Daripada keputusan yang diumumkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), tidak banyak kejutan berlaku, kecuali ketewasan dua 'ayam tambatan' DAP, Lim Kit Siang dan Karpal Singh untuk kerusi Parlimen serta DUN, di samping kekalahan BN di Parlimen Bukit Mertajam dan Nibong Tebal.

Apa yang nyata pengundi negeri ini masih inginkan sebuah kerajaan negeri stabil dan mantap yang berteraskan pembangunan serta perpaduan, bagi memacu Pulau Pinang menghadapi cabaran pada alaf baru.

Pengundi juga menterjemahkan hasrat mereka untuk memilih wakil rakyat yang boleh serta mampu menunaikan tanggung jawab terhadap pengundi, dan bukan sekadar pandai bercakap atau hanya muncul ketika pilihan raya di kawasan masing-masing.

Ini terbukti apabila BN menang di 30 daripada 33 kerusi DUN yang ditandinginya, meskipun kurang dua kerusi yang dimenangnya pada 1995. Kali ini BN tewas di Permatang Pasir, Penanti dan Batu Lancang.

Kehilangan dua kerusi di Permatang Pasir kepada calon Pas dan Penanti kepada calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan) juga bukan kekalahan mutlak calon Umno-BN di kawasan Parlimen Permatang Pauh itu.

Ini kerana kemenangan calon barisan alternatif di dua DUN berkenaan lebih bersifat 'undi simpati' rakyat terhadap Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, yang dikatakan memperjuangkan keadilan untuk suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun, kekalahan di DUN Batu Lancang, adalah sesuatu yang sukar dielakkan kerana kawasan berkenaan yang hampir 90 peratus pengundi adalah kaum Cina, sememangnya dikenal pasti kubu kuat DAP.

DUN dimenangi BN ialah Penaga; Bertam; Pinang Tunggal; Permatang Berangan; Sungai Dua; Teluk Ayer Tawar; Sungai Puyu; Bagan Jermal; Pari; Seberang Jaya; Berapit; Machang Bubok; Bukit Tengah; Sungai Bakap; Jawi; Sungai Acheh; Tanjung Bungah; Ayer Itam; Kebun Bunga; Padang Kota; Pengakalan Kota; Kampung Kolam; Datuk Keramat; Sungai Pinang; Bukit Gelugor; Paya Terubong; Batu Uban; Bayan Lepas; Teluk Kumbar dan Teluk Bahang.

Bagi kerusi Parlimen, BN hanya menang enam daripada 11 kerusi yang ditandinginya berbanding lapan kerusi pada pilihan raya umum 1995. Kerusi dimenangi BN ialah Kepala Batas, Tasek Gelugor, Bukit Bendera, Jelutong, Bayan Baru dan Balik Pulau.

BN juga 'tersentak' sedikit kali ini apabila tiga kawasan yang sering berpihak kepadanya iaitu Permatang Pauh, Bukit Mertajam dan Nibong Tebal kali ini terlepas ke tangan pembangkang.

Kecuali Permatang Pauh, kemenangan Dr Wan Azizah mengalahkan Datuk Dr Ibrahim Saad di situ lebih berupa 'undi simpati', kekalahan di Bukit Mertajam dan Nibong Tebal seharusnya menimbulkan tanda tanya kerana dikhuatiri mungkin ada perkara 'tidak kena' berlaku di kawasan itu.

Kekalahan Datuk Dr Kang Chin Seng (BN-Gerakan) di Nibong Tebal misalnya, dikatakan berpunca daripada permainan 'kayu tiga' di kalangan parti komponen BN, antaranya berikutan pengguguran Datuk Dr Goh Cheng Teik pada pilihan raya kali ini.

Selain itu, BN juga gagal merampas dua kubu kuat DAP di Parlimen Tanjung

dan Bagan.

Pun begitu, sedikit kekecewaan yang dialami BN pada pilihan raya kali mendapat balasan setimpal apabila ia memberi pukulan hebat kepada DAP apabila Kit Siang (Setiausaha Agung) dan Karpal (timbangan pengerusi) masing-masing tewas di kerusi DUN dan Parlimen.

Kit Siang tewas kepada calon BN, Chia Kwang Chye yang juga Setiausaha Agung Gerakan di Parlimen Bukit Bendera dengan majoriti 104 undi. Chia memperolehi 24,280 undi berbanding 24,176 undi dimenangi Kit Siang.

Karpal yang menguasai Parlimen Jelutong sejak 21 tahun lalu pula tewas kepada calon baru BN-Gerakan, Lee Kah Choon yang mendapat 21,491 undi berbanding 20,716 undi (Karpal) untuk majoriti 775.

Kit Siang juga tumpas di DUN Kebun Bungah apabila hanya memperolehi 5,142 undi berbanding 8,551 undi dimenangi calon BN-Gerakan, Dr Teng Hock Nan untuk majoriti 3,409 undi. Karpal juga tewas di DUN Datuk Keramat kepada calon BN-Gerakan, Lim Boo Chang yang memperolehi 8,599 undi (Karpal - 5,451 undi) untuk majoriti 3,148.

Kekalahan dua tokoh DAP itu bukan saja menyebabkan suara DAP tidak lagi selantang dulu di Parlimen, malah mungkin menyebabkan parti itu terpinggir daripada arus perdana politik negara seperti yang dikecapinya sejak 30 tahun lalu.

Kit Siang mengaitkan kekalahan teruk beliau dan DAP pada pilihan raya kali ini berikutan kerjasamanya dengan barisan alternatif, terutama isu negara Islam yang dibawa Pas.

"Saya tida nafikan MCA dan Gerakan menggunakan isu ini (negara Islam) secara habis-habisan untuk menakutkan pengundi Cina agar tidak memberi undi kepada DAP kerana ia akan memberi laluan kepada alternatif untuk menubuhkan negara Islam," katanya.

Beliau mendakwa, pelbagai risalah diedarkan ketika kempen pilihan raya kononnya jika kerjasama itu diteruskan, masyarakat bukan Islam tidak lagi dapat beribadat serta mempunyai rumah ibadat mereka sendiri.

"Kekalahan atau kemenangan saya adalah perkara kedua, namun sejak 30 tahun lalu, DAP kini tidak lagi menjadi ketua pembangkang di Parlimen," katanya sambil menambah jika tidak kerana kerjasama dalam barisan alternatif, DAP yakin akan menang antara 20 hingga 25 kerusi.

Pengakuan Kit Siang mengenai kekalahan teruk DAP kali ini dipersetujui seorang tokoh veteran Umno, Datuk Yusoff Hilmi Shafie, yang menyatakan kemuncak penolakan rakyat terhadap kepemimpinan barisan alternatif terutama DAP adalah berikutan cadangan Pas untuk menubuhkan negara Islam.

Kekalahan kedua-dua pemimpin itu bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana tindakan DAP bersekongkol dengan Pas menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan pengundi bukan Melayu.

Pengundi menganggap pakatan itu sebagai keadaan tidak stabil terutama berikutan perbezaan pendapat yang diketengahkan mengenai isu penubuhan negara Islam.

"Penolakan pemimpin tertinggi DAP dalam pilihan raya kali ini nyata memberi tamparan hebat kepada parti berkenaan, tetapi ia sudah pasti melegakan BN," katanya.

Keputusan pilihan raya negeri ini juga menunjukkan kemunculan sulung Keadilan gagal memberi cabaran yang digembar-gemburkan banyak pihak, apabila hanya masing-masing menang satu kerusi Parlimen dan DUN, manakala Pas yang hanya menang satu kerusi DUN, masih tidak mendapat tempat di hati rakyat Pulau Mutiara.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, pula menyifatkan kejayaan BN mengekalkan kemenangan majoriti dua pertiga sebagai kemenangan rakyat Pulau Pinang.

Kemenangan itu hasil kerja kuat calon BN yang sentiasa mahu berkhidmat serta sokongan padu rakyat terhadap segala program pembangunan yang

dilaksanakan.

"Kemenangan di Parlimen Bukit Bendera dan Jelutong pula adalah mesej jelas rakyat kepada wakil rakyat yang gagal memberikan khidmat baik untuk pengundi mereka," katanya.

Sesungguhnya kemenangan besar BN di peringkat kerajaan negeri serta kekalahan Kit Siang dan Karpal membuktikan kematangan pengundi negeri ini. Rakyat tidak menyokong calon yang hanya bijak bercakap tetapi gagal mencurahkan khidmat kepada penduduk yang diwakilinya.

Selain itu, keyakinan rakyat terhadap kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membawa negara ke kedudukan membanggakan selepas berjaya keluar daripada kegawatan ekonomi juga menyumbang faktor rakyat menolak pembangkang kali ini.

(END)